



SEMUA pekerja bahan binaan yang terlibat dengan aktiviti di tapak pembinaan wajib mendaftar serta memegang kad perakuan pendaftaran.



DENDA sehingga RM5,000 boleh dikenakan kepada mana-mana pekerja yang gagal menunjukkan kad pekerja ketika menjalankan kerja-kerja di tapak pembinaan.

Gesa pengeluar dan pekerja bahan binaan segera mendaftar

Pindaan Akta CIDB berkuat kuasa

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI


LEMBAGA Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) menggesa dan mengingatkan kepada semua pengeluar serta pekerja industri bahan binaan yang masih lagi belum mendaftar dengan CIDB untuk berbuat demikian bagi mendapatkan kad pekerja atau lebih dikenali sebagai kad hijau sebelum tindakan penguatkuasaan dikenakan.

Bagi kumpulan kontraktor atau pengeluar bahan binaan, mereka diberi masa sehingga 1 Disember 2015 manakala bagi kakitangan pembinaan pula diberi tempoh sehingga 1 Jun 2016 untuk mendaftar dan mendapatkan perakuan kemahiran serta kompetensi daripada CIDB.

Pengurus Besar Kanan Sektor Operasi CIDB, Megat Kamil Azmi berkata, mereka boleh diambil dan dikenakan tindakan mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 atau Akta 520 (Pindaan 2011) selepas tempoh yang ditetapkan tersebut.

"Sekiranya didapati menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa kad hijau, maka mereka boleh didenda maksimum RM5,000. Denda yang sama juga akan dikenakan kepada majikan yang mengambil pekerja yang tidak diakreditasi untuk melakukan tugas-tugas pembinaan.

"Bagi pengeluar bahan binaan yang gagal mendaftarkan bahan binaan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 4 Akta 520 (Pindaan 2011), mere-



MEGAT Kamil Azmi menunjukkan contoh kad hijau pada sidang akhbar di Menara Dato Onn kelmarin.

ka boleh didakwa mengikut Seksyen 33D (1) atau Seksyen 33D (2) (kewajipan pendaftaran bahan kimia).

"Justeru, mana-mana pihak yang berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan kualitinya oleh CIDB seperti yang dinyatakan apabila disabitkan, mereka boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM500,000," katanya pada sidang akhbar di pejabat CIDB, Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur kelmarin.

Tambah Megat Kamil Azmi, mengikut Seksyen 33 (kewajipan pendaftaran personel binaan), semua pekerja binaan



yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti di tapak pembinaan dan berumur 16 tahun ke atas wajib mendaftar serta memegang kad perakuan pendaftaran personel binaan CIDB.

Langkah mewajibkan semua pekerja binaan memiliki kad pekerja berkenaan adalah bagi mengiktiraf mereka yang benar-benar layak melakukan kerja-kerja itu selain memastikan mereka mendapat perlindungan insurans yang sewajarnya.

"Pemegang kad kerja binaan layak menerima perlindungan insurans kad hijau sehingga RM21,500 iaitu RM21,000 untuk kemalangan yang menyebabkan kematian dan RM500 untuk urusan pengubuhan jenazah sekiranya mendaftar dengan CIDB.

"CIDB juga telah memberikan tempoh peralihan yang cukup panjang kepada mana-mana pengeluar bahan binaan dan personel binaan untuk mendaftarkan diri. Jadi, rebutlah peluang ini untuk mendaftar sebelum tempoh akhir pendaftaran berakhir," katanya.

Bagi memudahkan penggiat industri khususnya pengeluar bahan binaan melakukan pendaftaran, mereka boleh berbuat demikian dengan melayari www.ccpm.cidb.gov.my untuk membuat pendaftaran secara percuma sebelum 1 Disember 2015.

Selepas tem-

poh tersebut, mereka akan dikenakan bayaran sebanyak RM1,500 untuk setiap permohonan baharu manakala RM750 untuk tujuan pembaharuan. Setiap pendaftaran yang berjaya, CIDB akan mengeluarkan Sijil Pematuhan Standard (PPS) kepada pengeluar sebagai bukti bahan binaan mereka telah berdaftar dengan CIDB.

Sementara itu, bagi personel bahan binaan yang ingin mendapat perakuan kemahiran dan kompetensi, mereka bole-

lah mendaftar secara terus kepada mana-mana pejabat CIDB di seluruh negara atau dengan menghubungi CIDB Careline di talian 1 300 88 2432.

Sehingga Oktober 2015, kira-kira 70,000 dalam kalangan kontraktor telah mendaftar bersama CIDB. Bagi pekerja atau personel binaan pula, pendaftaran yang dikemukakan telah mencecah sebanyak 700,000 pendaftaran.

PEMEGANG kad kerja binaan juga layak menerima perlindungan insurans sewajarnya sehingga RM21,500 sekiranya mendaftar dengan CIDB.

